

Ogos 2022

BULETIN RASMI UiTM CAWANGAN N. SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

# C A K N A

*kampus*

Unit Komunikasi Korporat



Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban

## 4 DOA

yang Mengiringi Usaha Kita dalam Era Endemik

## NORMA BAHARU

dalam Institusi Pendidikan Negara

## JOM BERSENAM DI PEJABAT!

Jalani Gaya Hidup Sihat di Fasa Endemik

## PEMERKASAAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Seiring Perubahan Semasa

## LIGHT AT THE END OF THE TUNNEL:

The Endemic Era

era

# ENDEMIK

Kesiapsiagaan Menelusuri Norma Baharu

**CAKNA KAMPUS  
BULETIN RASMI UiTM CAWANGAN N.SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN  
EDISI OGOS 2022**

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban,  
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Tel : 606-6342000, Faks : 606-6335813

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

**PENAFIAN:**

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2773-5648  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Majalah ini diterbitkan tiga kali setahun  
©2022 Hakcipta Terpelihara

# Kandungan Edisi Ini

Dari Meja Ketua Editor	3
Norma Baharu Menurut Perspektif Islam	4
Inflasi Di Era Endemik: Adakah Kita Bersedia?	6
Peluang Kolaborasi Penyelidikan Dan Jaringan Kerjasama Di Era Endemik	7
4 Doa Yang Mengiringi Usaha Kita Dalam Era Endemik	8
Jom Bersenam Di Pejabat! Jalani Gaya Hidup Sihat Di Fasa Endemik	10
Memacu Kecemerlangan Unit Makmal Sains Di Fasa Endemik Menerusi Lawatan Penandaarasan	12
Norma Baharu Dalam Institusi Pendidikan Negara	14
Pemerkasaan Sistem Pendidikan Seiring Perubahan Semasa	15
Peranan Pensyarah Suntik Motivasi Pelajar Kembali Ke Kampus	17
Kekal Pelitup Muka Di Kampus	19
Meneruskan Legasi Perhubungan Komuniti Dalam Peralihan Endemik Dengan Kembara Kepenggunaan Santuni Komuniti	20
Sistem Pengurusan Kualiti Menjamin Peningkatan Kecemerlangan Operasi Tadbir Urus Makmal Sains	22
Bekerja Dari Rumah (BDR) Bukan Tiket Untuk Tidak Produktif	24
Light at The End of the Tunnel – The Endemic Era	26



DARI MEJA

## KETUA EDITOR

Salam UiTM Di Hatiku pembaca setia Buletin CAKNA UiTM Kampus Negeri Sembilan

Setelah lebih kurang dua tahun hidup melayari gelombang pandemik yang banyak mengubah landskap pendidikan di negara kita, ramai yang menyambut transisi ke endemik dengan hati-hati. Walaupun telah mematuhi SOP, mendapat dos vaksin dan penggalak, pengalaman kehilangan orang tersayang – sahabat, rakan sekerja dan ahli keluarga – meninggal parut yang membuatkan kita semakin menghargai kehidupan yang sementara ini.

Pandemik Covid19 bukan sekadar mengubah cara berfikir, bekerja dan bersosialisasi. Proses melepaskan apa yang telah dipegang erat selama ini dari segi cara bekerja, mempelajari kemahiran-kemahiran baru membuatkan ada yang masih keliru dan berhati-hati.

Buletin CAKNA kali ini membawakan perkongsian dari penulis berkaliber UiTM Kampus Negeri Sembilan dalam mendepani cabaran endemik. Isu kali ini banyak memberikan panduan untuk para pensyarah bukan sekadar menyantuni para Pelajar yang bakal kembali ke kampus di semester akandatang, tetapi juga memberi penekanan dalam menjadi kesihatan fizikal, mental dan spiritual para pembaca.

Terima kasih di atas sokongan berterusan kepada Buletin CAKNA dan kita jumpa di kampus!

Salam ceria selalu,

*Dr. Wan Zumusni Hj. Wan Mustapha*

DARI MEJA KETUA EDITOR

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Prof. Dr. Yamin Yasin  
Rektor  
UiTM Caw. N.Sembilan

### PENASIHAT

Dr. Suhaimi Bin Haji Abd Samad  
Penolong Rektor  
UiTM Caw. N.Sembilan  
Kampus Seremban

### KETUA EDITOR

Dr. Wan Zumusni Wan Mustapha

### PENOLONG KETUA EDITOR

Nur Haidar Hanafi

### EDITOR JEMPUTAN

Aeimi Ruzanna Abu Hassim  
Hazlina Mohd Padil  
Nur Hakimah Md Sallehuddin

### EDITOR PEREKA GRAFIK

Haslinda Noradzan  
Syaiful Hisyam Saleh

### EDITOR

Noraimi Azlin Mohd Nordin  
Dr. Zati Aqmar Zaharudin  
Prof Madya Khas Dr. Angeline  
Ranjethamoney Vijayrajoo  
Azlina Mohd Hussain  
Dr. Wan Normila Mohamad

### AHLI JAWATANKUASA PUBLISITI DAN HEBAHAN

Razif Sazali

### AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN

Syaiful Hisyam Saleh




# Norma Baharu Menurut Perspektif Islam

DR. MOHD. KAMEL BIN MAT SALLEH, DR. MUHAMMAD FIRDAUS BIN ABDUL MANAF


Manusia adalah mahkluk yang istimewa dianugerahkan Allah SWT dengan pelbagai kelebihan berbanding ciptaanNya yang lain. Akal fikiran yang dikurniakan berfungsi sebagai alat untuk manusia meneroka kehidupan untuk menjadi lebih baik bagi mengembangkan potensi sebagai khalifah di atas muka bumi.

Era pemodenan yang sentiasa berubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain menjadikan manusia perlu sentiasa bersedia menghadapi perubahan yang berlaku. Orang yang tidak bersedia menerima perubahan adalah mereka yang tertutup pemikirannya. Manakala, mereka yang selesa berada pada kedudukan yang sama dan tidak mahu melakukan perubahan ibarat terperuk di bawah tempurung, tidak melihat keluasan dunia di luar sana.



**“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya”**

Surah al-Ra'd: 11



Peralihan dari fasa pandemik kepada endemik adalah suatu hakikat yang tidak boleh ditolak begitu sahaja. Fasa ini merupakan suatu realiti yang membawa titik tolak baharu dalam kehidupan. Perubahan ini sepatutnya menjadi pencetus motivasi dalam persediaan menempuh cabaran hidup yang lebih mencabar. Jika manusia bersedia untuk berubah kepada satu cabaran baharu, maka ia pasti bersedia untuk perubahan yang lebih besar dalam meniti proses pengislahan dalam hidup. Mereka yang menolak perubahan telah ditegur oleh Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya” (Surah al-Ra'd: 11).



Proses transformasi diri ke arah kejayaan memerlukan individu yang mempunyai jiwa besar lagi kental. Kekuatan dan sokongan yang sewajarnya amat diperlukan dalam proses ini. Sebaik-baik usaha ialah bermujahadah melawan nafsu dan berusaha memperbaiki diri.

Dalam konteks UiTM, setiap warganya perlu bersifat terbuka dengan perubahan. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran menuntut kepada pendedahan secara terbuka kepada alat telekomunikasi dan platform digital yang sesuai dengan peredaran semasa. Para pelajar yang mengikuti sesi kuliah secara dalam talian perlu memahami keperluan proses pemerolehan dan penghasilan ilmu secara norma baharu. Keberkatan dalam proses mencari ilmu tetap diberi perhatian walaupun tidak dilaksanakan secara berhadapan di antara guru dan murid. Kaedah tidak bersemuka ini tidak sewajarnya menjadi sebab kepada sikap malas, tidak produktif dalam penghasilan tugas-tugas kuliah mahupun ponteng secara sesuka hati dengan mengabaikan kehadiran dalam sesi kuliah.

Begitu juga dengan para pensyarah yang bertanggungjawab dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak seharusnya bersikap cuai dalam proses penyampaian ilmu, tidak terbuka kepada penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang terkini, malah mengambil sikap sambil lewa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan.

Semua ini menuntut kepada perjuangan yang bersungguh-sungguh membabitkan proses tajdid (memperbaharui) niat, azam dan tekad bagi mencapai matlamat yang ingin dicapai. Malah setiap tahun ketika masuknya tahun baharu sama ada tahun hijrah mahupun masih, setiap orang pasti menginginkan hajatnya tercapai seiring dengan falsafah niat dan hijrah ke arah perubahan.

Ini menunjukkan betapa relevannya kesiapsiagaan menelurusi norma baharu seiring dengan perkembangan dunia yang sentiasa terbuka kepada perubahan. Dalam usaha merealisasikan perubahan dan transformasi ini, beberapa langkah perlu diambil antaranya ialah:

- Perancangan, pengurusan dan strategi yang baik serta bersesuaian dengan matlamat yang ingin dicapai.
- Pelaksanaan yang baik dan istiqamah.
- Tawakkal kepada Allah.
- Membuat penilaian dan muhasabah secara berterusan agar perancangan dan perlaksanaan tidak lari serta tersasar dari matlamat yang ingin dicapai.

# Inflasi Dalam Era Endemik : Adakah Kita Bersedia?

NOOREZATTY MOHD YUSOP , NORA MOHD BASIR

Sejak kegiatan ekonomi dibuka semula dalam kebanyakan negara, berlaku peningkatan terhadap permintaan barang dan perkhidmatan secara mendadak sehingga mengakibatkan kenaikan kadar inflasi global. Gangguan Kekurangan terhadap komponen asas dan bahan mentah, peningkatan harga minyak mentah, gangguan rantai pengangkutan serta sekatan dari negara-negara yang menghadapi krisis merupakan antara faktor yang mempengaruhi kadar inflasi.

Secara umumnya, inflasi merupakan satu kenaikan harga yang berlaku bagi barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu. Apabila pemintaan melebihi bekalan, pengguna perlu membayar lebih untuk membeli barang dan menggunakan perkhidmatan yang sama. Di antara kesan inflasi yang ketara ialah kehilangan kuasa beli pengguna dan peningkatan kos sara hidup. Kadar inflasi lazimnya diukur melalui pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi perubahan harga item-item di dalam bakul tetap barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa. Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan kenyataan bahawa Indeks Harga Pengguna telah meningkat 2.3 peratus kepada 125.9 peratus pada April 2022 berbanding 123.1 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Sebagai pengguna individu, adalah sukar untuk mempengaruhi kadar inflasi, namun terdapat beberapa tips yang boleh dilakukan terhadap pengurusan kewangan bagi menangani inflasi dan kos sara hidup yang tinggi.




- Simpan wang di dalam pelaburan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada kadar inflasi semasa secara berkala seperti deposit tetap yang dapat memberikan pulangan yang tinggi.
- Emas sering dianggap sebagai aset yang selamat. Mulakan pelaburan emas kerana emas sentiasa dapat mengatasi inflasi dalam jangka masa panjang.
- Melibatkan diri dalam pelaburan saham. Namun pengguna perlu bijak dalam memilih saham yang berisiko rendah. Sebaiknya dapatkan khidmat nasihat daripada pakar.
- Rumah adalah keperluan asas, maka pelaburan hartanah merupakan pelaburan jangka panjang yang stabil semasa inflasi yang tinggi.
- Bagi menyokong sumber pendapatan utama, pelbagaiakan sumber pendapatan dengan melakukan pekerjaan tambahan. Ia dapat membantu menangani kos sara hidup yang meningkat.
- Mengubah gaya hidup dengan mengamalkan sifat jimat cermat dan sentiasa mendahulukan keperluan daripada kehendak.

Kesimpulannya, semua disarankan untuk bersedia persediaan secara fizikal dan mental dalam menghadapi inflasi dalam era endemik serta cakna dengan keadaan ekonomi semasa perlu dilakukan segera agar persiapan awal dapat dilakukan.

# Peluang Kolaborasi Penyelidikan dan Jaringan Kerjasama di Era Endemik

**DR. NUR NADIA DZULKIFLI, DR. NUR SOFIAH ABU KASSIM**

Program Outbound-Inbound Mobility merupakan program perkongsian ilmu pengetahuan secara atas talian telah dilaksanakan oleh Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Sarawak (UiTMCS) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) dan Tokyo Metropolitan University (TMU), Jepun pada 24 Mei 2022 (Selasa). Objektif pertama program adalah bertujuan untuk memperkasakan pemindahan dan perkongsian ilmu ke arah kesarjanaan serta pembangunan khususnya bagi para pelajar Sarjana Muda Sains Kimia dengan Pengurusan (AS222) di era endemik ini. Sesi pembentangan penyelidikan daripada wakil pelajar UiTM dan TMU telah diadakan bagi bertujuan untuk mereliasikan objektif utama program ini.



“*Synthesis of Bio-based Polyesters by Acyclic Diene Metathesis (ADMET) Polymerization in Ionic Liquid*” disampaikan oleh Ms. Xiuixiu Wang



“*Catalysis Research for Circular Economy: Importance in Polyolefin and Biobased Polyesters*” disampaikan oleh Profesor Dr. Kotohiro Nomura (TMU).

Objektif kedua adalah mengukuhkan kolaborasi dan rangkaian kerjasama antarabangsa di antara UiTMCS, UiTMCNS dan TMU. Bagi sesi ini, tiga orang wakil dari Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), UiTMCNS iaitu Profesor Madya Ts. ChM. Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali selaku Koordinator PPKAS telah membentangkan pengenalan dan kepakaran staf yang terdapat dalam PPKAS. Manakala, Dr. Ruhaida Rusmin merupakan wakil daripada Advanced Materials for Environmental Remediation (AMER) dan Ts. Dr. Asiah Abdullah wakil bagi Material, Inorganic and Oleochemistry Group (MATEROLEO) menerangkan peluang bagi penyelidikan dan kerjasama yang boleh dilakukan bersama mengikut bidang masing-masing. MATEROLEO dan AMER merupakan Special Interest Group (SIG) yang telah didaftarkan di bawah pengelolaan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, UiTMCS untuk bertujuan menggalakkan staf PPKAS menjalankan penyelidikan dan memperluaskan kerjasama terutama IPTA/IPTS dalam dan luar negara serta industri.



Sesi pembentangan oleh wakil pensyarah PPKAS bertajuk “*Opportunity of Research Collaboration and Network at School of Chemistry and Environment*”.

Sebagai rumusan, walaupun sudah memasuki era endemik, program berbentuk ini perlu diadakan untuk meningkatkan lagi ketampakan UiTM khususnya Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan di luar negara iaitu sama ada perkongsian kepakaran, penyelidikan dan ilmu pengetahuan. UiTM Cawangan Negeri Sembilan merakamkan ucapan terima kasih kepada UiTM Cawangan Sarawak atas peluang kerjasama yang diberikan.

# 4 Doa Yang Mengiringi Usaha Kita dalam Era Endemik

NURUL AINI BINTI ABDUL WAHAB, HUSNUL RITA BINTI ARIS

Dalam menjalani kehidupan era endemik, kita seharusnya sentiasa peka dan tidak lalai agar bebas daripada pelbagai ancaman virus dan penyakit. Ini dapat diperhatikan dalam kehidupan kita melalui penjagaan kebersihan bagi memastikan tahap kesihatan terus terjamin.

Marilah kita renungi saranan Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi.” (Hadith Riwayat al-Tirmizi: No. Hadith 2799). Mudah untuk kita fahami bahawa sesungguhnya Allah menyukai hambaNya yang bersih.

Bagi individu Muslim, menjaga kebersihan adalah sebahagian daripada kewajipan terutama dalam perkara berkaitan ibadah seperti kewajipan untuk bersuci daripada hadas sebelum menunaikan solat.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwudhuklah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan basuhlah kedu belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah*” (al-Maidah: ayat 6)

Selain itu, apabila ingin bersin juga ada adab-adabnya. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA yang bermaksud, “*Bahwasanya apabila Nabi SAW bersin, baginda menutup wajah dengan tangan atau kainnya sambil merendahkan suaranya.*” (Riwayat al-Tirmizi: No. Hadith 2745). Bagi orang di sekeliling pula dianjurkan untuk mengucapkan doa. “*Apabila bersin salah seorang daripada kamu bersin, maka sebutlah Alhamdulillahi ala kulli hal. Dan kemudian jawablah saudara yang mendengarinya Yarhamukaallah. Dan hendaklah ia (orang yang bersin) membalaas Yahdikumullah wa yuslih baalkum.*” (Hadis Riwayat al-Tirmizi: No. Hadith 2960).

Seiring dengan usaha kita mengamalkan amalan kebersihan dan patuh kepada SOP, kita juga mesti berdoa. Kita memohon kepada Allah SWT, zat yang menurunkan penyakit kerana Allah juga yang menyembuhkan. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Ia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Ia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*” (Al - An'am : ayat 17)



Antara 4 doa yang boleh diamalkan adalah :

## Doa Pertama

لَهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنْ شَيْءٍ أَسْفَقَ

Maksudnya: “Ya Allah aku berlindung kepada Mu dari penyakit sopak, gila, kusta dan dari segala penyakit yang buruk”

(Hadith Riwayat Abu Daud)



## Doa Kedua

Baginda Nabi SAW juga pernah mengajarkan kepada sahabat baginda, Abdullah bin Khubaib r.a melalui sabda baginda SAW bermaksud: “*Bacalah “Qulhuwallahu Ahad” (surah al-Ikhlas), “Qul A’uuzubirabbinnaas” (surah al-Nas) dan “Qul A’uuzubirabbil falaq” (surah al-Falaq) ketika pagi dan petang sebanyak tiga kali, maka (tiga surah tersebut) akan mencukupkanmu (menjagamu) dari segala sesuatu*” (Hadith Riwayat Abu Daud).

Dalam kitab Aun al-Ma’bud dijelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan segala sesuatu dalam doa di atas ialah segala sesuatu yang buruk atau sebab yang seseorang meminta untuk berlindung darinya. Justeru, jelas bahawa surah-surah yang dikenali dengan nama “*tiga Qul*” tersebut mempunyai keistimewaan sebagai pendinding diri dari keburukan termasuk penyakit berbahaya.

Atas dasar itu, kita dapatti Nabi SAW juga memberitahu kepada Ibn ‘Abis al-Juhaniyy RA bahawa surah al-Falaq dan surah al-Nas adalah sebaik-baik doa perlindungan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasai dengan sanad yang sahih, Nabi SAW bertanya kepada Ibn ‘Abis RA: “*Inginkah kamu aku beritahu tentang sebaik-baik apa yang digunakan untuk pendinding bagi mereka yang meminta perlindungan?*” Beliau menjawab: “*Ya, wahai Rasulullah*”. Lalu baginda bersabda: “*Qul a’uuzubi rabbil falaq(surah al-Falaq) dan qul a’uuzubi rabbin nas(surah al-Nas)*” Dua surah ini. (Hadith Riwayat al-Nasa’i).

## Doa Ketiga

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِينُ  
الْغَلِيلُ

Maksudnya: “Dengan menyebut nama Allah yang nama-Nya tidak ada sesuatu pun yang membahayakan, sama ada di bumi atau di langit. Dialah yang maha mendengar dan maha mengetahui.”

Nabi s.a.w menyebutkan bahawa sesiapa yang membaca doa ini, tidak ada sesuatu yang boleh memudaratkannya. Baginda SAW bersabda yang bermaksud: “Tidaklah seorang hamba yang membaca pada setiap pagi dan petang: Bismillahillazi laa yadhurru ma’asmihai syai’un fil ardhi walaa fis samaa’i wahuwas samii’ul ‘alim” sebanyak tiga kali, maka tidak ada sesuatu pun yang membahayakan dirinya” (Hadith Riwayat al-Tirmizi)

## Doa Keempat

Doa ini di ambil daripada dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah.

Maksudnya: “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari TuhanNya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya”. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali (285). Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): “Wahai Tuhan kami, Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami, Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami, Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”

(al-Baqarah: ayat 285-286)

Doa ini disebutkan oleh Nabi SAW sebagai doa yang mencukupkan seseorang. Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud: “Siapa yang membaca dua ayat terakhir dari surah al-Baqarah pada satu malam, maka kedua ayat tersebut akan mencukupinya” (Hadith Riwayat al-Bukhari). Disamping itu, Imam ibn Hajar al-Asqalaniy dalam kitab Syarah Fath al-Bari, ada yang berpendapat bahawa maksud mencukupi dalam hadis ini ialah mencukupinya (memelihara) dari segala keburukan, kejahanatan syaitan dan menolak kejahanatan manusia dan jin. Berdasarkan penjelasan tersebut, kita dapatti doa ini boleh dibaca dengan tujuan meminta perlindungan kepada Allah dari keburukan penyakit yang sedang menular di sekitar kita.

Akhirul kalam, perintah yang terdapat dalam agama Islam adalah sebagai panduan dalam setiap aspek kehidupan. Dalam era endemik, kita perlu berusaha untuk membudayakan amalan yang baik yang selari dengan perintah agama. Semoga kita sentiasa di lindungi Allah SWT dalam apa jua keadaan, tempat dan masa.

# Jom Bersenam di Pejabat! Jalani Gaya Hidup Sihat di Fasa Endemik

**SUZANA BAHARUDIN, PROF. MADYA DR. ROZITA ABDUL LATIF, JULIANA HAMKA  
KAMARODDIN**



Fasa endemik yang sedang kita lalui bukanlah tempoh untuk kita berada dalam tahap selesa kerana kecuaian menjaga kesihatan diri boleh menyebabkan kita kembali semula ke fasa pandemik. Ini telah terjadi di beberapa buah negara yang telah menghadapi jangkitan semula Covid-19 menerusi varian Delta, Lambda dan Mu. Walaupun kita telah dilengkapi dengan 2 dos vaksin diikuti dengan dos penggalak, tetapi kebarangkalian untuk dijangkiti semula Covid-19 tetap ada, dan pastinya terdapat juga kesan sampingan akibat jangkitan.



Justeru, adalah penting untuk para staf, pelajar dan pensyarah merangka strategi dengan bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan. Umum mengetahui, kita telah melalui tempoh pandemik 2 tahun yang memeritkan. Ramai di antara kita mengalami thanophobia, iaitu fobia kehilangan orang tersayang; ibu, ayah, suami, isteri, anak, saudara dan sahabat taulan. Malah ada yang merasai kehilangan berganda atas kehilangan ahli keluarga dalam tempoh berselang hari, terutama anak-anak di bawah umur.

Senario ini tentunya mendatangkan tekanan dan trauma melampau kepada yang ditinggalkan kerana mereka tidak berpeluang menemani pesakit bertarung dengan virus Covid di saat akhir dan terkilan kerana tidak dapat mengiringi permergian terakhir insan tersayang. Laporan berita turut menyatakan bahawa jumlah pesakit mental semakin bertambah dan ramai rakyat Malaysia mengalami kemurungan kerana perubahan norma kehidupan baru, yang seiring dengan masalah ekonomi seperti kenaikan kos sara hidup, kehilangan pekerjaan dan pengurangan jumlah pendapatan isi rumah.

Adalah penting bagi kita, masyarakat UiTM membudayakan gaya hidup sihat dengan mengamalkan senaman dan cara berfikir yang positif. Melihat kepada tugas hakiki kita sebagai pendidik khususnya, yang telah melalui transisi digital secara total di dalam pengajaran dan pembelajaran sewaktu fasa pandemik; seperti Open Distance Learning (ODL), menyemak kertas peperiksaan berbentuk digital, penyediaan fail pengajaran digital dan konsultasi secara maya, sudah tentu masa dan pergerakan kita terbatas di hadapan komputer setiap masa. Situasi ini sangat tidak sihat untuk kesihatan tubuh dan mental kita. Tekanan kerja diikuti dengan masalah peribadi mampu mengundang kemurungan dan depresi di kalangan kita. Antara simptom depresi adalah tidak ceria, kurang fokus kepada kerja, kenaikan atau penurunan berat badan yang dramatik, sukar tidur, sedih, marah dan pelbagai lagi.

Mahukah kita, warga UiTM membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti senaman? Aktiviti senaman mampu menjana hormon-hormon kegembiraan iaitu endorphin, serotonin dan dopamine. Senaman, ditakrifkan sebagai satu aktiviti yang dilakukan berulang-ulang sehingga seseorang itu bernafas secara tercungap-cungap dan berpeluh. Aktiviti senaman menjadikan jantung kita kuat dan dapat berdegup dengan kencang untuk mengepam darah keseluruh badan. World Health Organization (WHO) telah menyarankan agar semua individu dewasa melakukan senaman dengan intensiti cergas sebanyak 75 minit seminggu atau di antara 150-300 minit seminggu bagi intensiti sederhana untuk mendapatkan kesihatan yang baik. Malahan kajian pada tahun 2011 telah menunjukkan bahawa senaman dapat mengurangkan 27% penyakit strok bagi individu yang mengamalkannya.

Oleh itu, apa kata kita bersepakat melakukan senaman bersama rakan setugas di pejabat? Dengan adanya rakan bersenam, pastinya ia dapat meningkatkan motivasi kita untuk terus bersenam. Antara aktiviti senaman yang boleh dibuat di pejabat adalah naik tangga, lompat tali, plank, yoga, aerobik dan weight training. Antara kebaikan senaman naik tangga dan aerobik adalah membantu menguatkan otot melalui pergerakan horizontal dan vertikal selain menjaga keseimbangan badan. Lompat tali membantu meningkatkan stamina secara santai. Plank dan weight training pula melibatkan banyak posisi bahagian atas tubuh dan membantu pembakaran kalori serta mampu memperbaiki postur badan. Yoga pula sangat membantu mengawal nafsu makan, mengatasi sindrom Carpal Tunnel dan keseimbangan hormon serta merupakan terapi untuk radang sendi.

## 3 MILE WALK



Video Senaman dari Leslie Sansone bagi senaman "Walking Aerobics"

Terdapat pelbagai klip video senaman yang boleh diikuti di Youtube seperti walking aerobic oleh Leslie Sansone (<https://youtu.be/DYuw4f1c4xs>), step aerobics oleh Jane Fonda (<https://youtu.be/MmeGMYwTtv0>), dan weight training oleh Kathy Smiths (<https://youtu.be/cbC1O1UYCWs>). Senaman yoga Jepun iaitu Human Taiso (<https://youtu.be/b90Pbi9wnP4>) juga sesuai dilakukan di pejabat dengan menggunakan kerusi. Klip-klip video senaman ini sangat menyeronokkan kerana ia mengandungi gerak langkah yang ringkas beserta muzik yang menarik dan instruktur yang sentiasa memberi kata semangat untuk kita terus bermotivasi untuk meneruskan senaman. Pastinya, senaman ini jika dilaksanakan secara teratur boleh memberi kesan terhadap otot tubuh kita selain membantu membentuk paras fizikal yang lebih menarik. Cuba anda layari klip-klip video yang dicadangkan dan lakukan permulaan rutin senaman bersama rakan di pejabat.



Video Senaman dari Jane Fonda bagi senaman "Steps Aerobics"

Dengan adanya budaya senaman di pejabat, dapatlah dirumuskan bahawa senaman mampu memberi impak positif kepada sesebuah organisasi yang mana antaranya ialah kos perubatan staf dapat dikurangkan seiring pengurangan risiko penyakit, kemurungan dapat dihindarkan, dan staf dapat melaksanakan tugas dengan lebih kreatif, efektif dan berkualiti. Dalam mengharungi fasa endemik yang serba mencabar ini, kita perlu melihat aktiviti bersenam di pejabat ini sebagai salah satu usaha kita memperkasakan gaya kehidupan sihat. Ingat! Kita adalah tunggak keluarga, masyarakat dan negara. Kesihatan kita yang baik menjamin produktiviti serta kualiti kerja dan kehidupan yang cemerlang. Apa tunggu lagi... ayuh kita bersenam!

# Memacu Kecemerlangan Unit Makmal Sains di Fasa Endemik Menerusi Lawatan Penandaarasan

**DR SUHAIDI ARIFFIN, DR NUR SOFIAH KASSIM, TS. ZUBIR OTHMAN,  
SABARIYAH ZAINAL, SITI NOORDINAH ABD LATIF**

Unit Makmal Sains (UMS), Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTM CNS) , sememangnya tidak ketinggalan dengan rentak dunia yang sedang menuju ke fasa endemik COVID-19 yang bakal menyaksikan penggunaan makmal sains yang lebih rancak untuk tujuan penyelidikan mahupun pengajaran dan pembelajaran di kampus ini. Justeru, agenda pemerkasaan pengurusan Unit Makmal Sains (UMS) amat sinomin dalam memacu kecemerlangan dan penambahbaikan yang berterusan.

Setelah sekian lama warga makmal di universiti terbelenggu dengan aktiviti secara dalam talian, peralihan ke fasa endemik memberi satu sinar baharu dalam memastikan aktiviti kelas amali dan projek penyelidikan di makmal berjalan seperti sedia kala. Ia bukanlah sesuatu yang mudah memandangkan beberapa aspek pengurusan makmal perlu diteliti agar segala implikasi negatif terhadap pengoperasian makmal berikut pandemik sebelum ini dapat di atasi dengan bijak.

Mengembalikan prestasi pengoperasian makmal yang dapat memenuhi keperluan pelanggan pada fasa endemik adalah mencabar, memandangkan sumber bahan bekalan, penyelenggaraan peralatan makmal dan ruang opearsi yang sekian lama tertunda pengoperasiannya perlu diaktifkan semula. Setiap kos operasi perlu diperinci agar sumber yang terbatas kesan daripadakekangan kewangan, dapat digembeling untuk mendepani norma baharu. Justeru itu, gabungan idea baharu, inovasi pengurusan, dan perkongsian yang terbaik oleh setiap peringkat jabatan perlu disinergikan agar perkhidmatan di makmal menepati keperluan semasa dalam fasa endemik ini.



*Sesi lawatan ke makmal dan penerangan oleh staf makmal kepada para delegasi yang hadir*

Rentetan daripada sesi perkongsian Proses Penyediaan Senarai Daftar Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register) oleh wakil UMS UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTM CNS), Kampus Kuala Pilah yang telah dijalankan secara dalam talian pada fasa pandemik yang lalu. Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS) telah membuat lawatan susulan ke UMS sebagai penanda aras pada 26 Januari 2022 yang lalu.

Sebagai usaha untuk mencari sinergi bagi memacu kecemerlangan pengurusan makmal pada fasa endemik, UMS sangat berbesar hati untuk menerima delegasi daripada KMNS, yang terdiri daripada 14 orang Jawatankuasa Pemodenan Makmal dan Juruteknik Komputer. Delegasi ini pada dasarnya berhasrat untuk melihat proses kerja dan dokumentasi pengurusan makmal UiTM CNS serta membuat perbandingan gerak kerja ketika pandemik dan juga inisiatif kemandirian pengurusan makmal dalam menghadapi fasa endemik. Perbincangan interaktif tentang infrastruktur dan cara penyimpanan bahan kimia serta penambahbaikan yang dapat dilakukan oleh pihak makmal sains KMNS juga turut dibincangkan. Di UiTM CNS, delegasi ini diraikan oleh pengurusan UMS yang diketuai oleh Koordinator Makmal (Dr. Suhaidi Ariffin), Ketua Unit Kualiti (Dr. Nadia Dzulkifli) dan semua staf UMS.

The screenshot shows a Google Meet session titled "NEZAHAT BINTI DZULKIFLI IS presenting". The slide displayed is for "TAKLIMAT Penyediaan Senarai Daftar Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register)" dated 16 JULAI 2021 (JUMAAT) from 2:30 - 4:30 PETANG via MEDIUM GOOGLE MEET. The slide includes the Universiti Teknologi MARA logo and a list of speakers: Dr. Suhaidi Ariffin, Dr. Nadia Dzulkifli, and TS Zubir Othman. The video conference interface shows multiple participants in a grid view.

*Sesi perkongsian dan taklimat Penyediaan Senarai Daftar Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register) yang dilakukan secara atas talian pada 16 Julai 2021 sewaktu fasa pandemik.*

Sememangnya, program seumpama ini mampu memberi impak positif kepada Pengurusan UMS secara keseluruhannya. Bermula daripada gerak kerja persediaan menerima kunjungan delegasi KMNS, warga makmal mengambil peluang daripada program ini sebagai satu momentum untuk melakukan aktiviti penambahbaikan seperti pemurnian dokumen, pengemaskinian ruang-ruang operasi makmal dan penelitian prosedur-prosedur operasi yang terdapat di makmal.

Ketika kunjungan berlangsung pula, warga makmal dapat mengetengahkan potensi yang ada di UMS melalui sesi soal jawab antara para delegasi dan staf makmal, perkongsian pengalaman, penerangan terhadap prosedur makmal dan yang tidak kurang pentingnya adalah maklum balas yang diberi oleh para delegasi yang hadir. Manakala, setelah program ini berlangsung, warga Pengurusan UMS telah menerima dengan positif segala teguran membina dan cadangan penambahbaikan yang telah diberi sepanjang program ini untuk dimasukkan dalam gerak kerja pelaksanaan di peringkat UMS sebagai penambahbaikan yang berterusan.

Aspek kualiti memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi dan pengendalian kerja sehari-hari seseorang. Memahami keperluan pelanggan dan memantau proses kerja yang dapat memenuhi kepuasan hati pelanggan adalah kunci dalam memastikan aspek kualiti itu dipenuhi. Justeru, pelaksanaan program lawatan penandaarasan ini dilihat sebagai salah satu daripada kesinambungan usaha dalam peningkatan kualiti sedia ada di KMNS mahupun di UMS itu sendiri. Program ini juga merupakan satu pendekatan untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dan menyedari perihal amalan terbaik yang boleh disesuaikan di institusi masing-masing.

Komunikasi yang berlangsung sepanjang proses penandaarasan ini membolehkan kedua-dua belah pihak saling membuat perbandingan positif dari segi hala tuju organisasi, pengamalan kualiti dan pencapaian prestasi di peringkat yang ingin dikenal pasti. Semua input yang diperoleh itu sememangnya amat membantu untuk digunakan sebagai maklumat tambahan dalam usaha mengukur keberhasilan dan jaminan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, program ini juga telah dapat membuka satu lembaran perkongsian maklumat dan ruang kolaborasi dari segi kemahiran serta kaedah terkini yang boleh diguna pakai dalam menjayakan kepentingan bersama di kedua-dua belah pihak. Melalui perkongsian yang bakal terbina nanti, mampu untuk membantu dalam merapatkan lagi jurang antara institusi di samping memaksimakan potensi sedia ada sebagai sebuah institusi akademik.

Perkembangan positif tadbir urus dengan kerjasama semua staf di UMS UiTM CNS sejak kebelakangan ini dilihat sangat memberangsangkan. Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, program lawatan penandaarasan telah memberi kesan yang sangat signifikan dalam tadbir urus di UMS UiTM CNS. Pengurusan makmal memerlukan idea yang proaktif dalam menyesuaikan keadaan semasa dan kekal relevan walaupun turut terkesan dengan gelombang penularan wabak COVID-19. Besar harapan pihak UMS UiTM CNS untuk mencapai salah satu objektif (objektif ke-6) Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien. Hal ini demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh pengguna UMS UiTM CNS.



*Sesi bergambar bersama delegasi yang hadir*

**Terima kasih di atas kunjungan ...**

## Lawatan Penandaarasan Kolej Matrikulasi N.Sembilan Ke Unit Makmal Sains



26 Januari 2022  
2.30-4.30 PM

Ikhlas daripada :  
Unit Makmal Sains, Bahagian Hal Ehwal Akademik,  
UiTM CNS Kampus Kuala Pilah



66 Semoga  
bermanfaat!

*Ucapan terima kasih dari pihak pengajur kepada delegasi  
lawatan penandaarasan*

Penganjuran aktiviti lawatan penandaarasan seperti kunjungan dari pihak KMNS, pengurusan UMS dilihat mampu untuk memberi dan berkongsi ilmu dalam menambah baik fungsi operasi bagi kedua-dua belah pihak. Bagi masa akan datang, diharapkan UMS mampu meningkatkan dan memantapkan lagi tahap tadbir urus agar lebih banyak perancangan yang sesuai dapat dilaksanakan, seterusnya dapat berkongsi amalan-amalan pengurusan yang efisien dengan organisasi-organisasi luar. Setiap staf UMS bertanggungjawab untuk memastikan pencapaian dan penampakan UMS UiTM CNS. Komitmen, kesungguhan, ketekunan dan kerjasama dalam kalangan staf UMS merupakan elemen-elemen penting dalam memastikan setiap objektif dan sasaran boleh dicapai. Semoga program seperti ini dapat melonjakkan lagi lakaran kecemerlangan UMS UiTM CNS pada fasa endemik yang serba mencabar ini.


# Norma Baharu dalam Institusi Pendidikan Negara

DR.SHAWAL SAHID HAMID @ HUSSAIN

Kemunculan COVID-19 telah menjentik budaya norma baharu dalam kehidupan masyarakat. Siapa sangka sekecil virus mampu mengubah sikap dan amalan harian manusia sehari-hari. Kedatangan COVID-19 membuatkan kita mula merubah cara kehidupan sehari-hari dengan pemakaian pelitup muka, penggunaan hand sanitizer, semakan suhu badan dan penggunaan aplikasi MySejahtera. Kini Malaysia telah masuk ke fasa endemik di mana amalan ketika pandemik telah mula dilonggarkan. Atas nasihat World Health Organization (WHO) 2021, penyesuaian diri manusia dalam persekitaran hari ini perlu dilakukan ketika fasa endemik ini malah kita harus hidup bersama COVID-19.

Keadaan ini pastinya telah merubah corak pengurusan institusi pendidikan negara. Ketika berlaku pandemik COVID-19, hampir keseluruhan institusi pendidikan negara menjalankan Online Distance Learning (ODL). Dalam mana pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Amalan ini pada mulanya kelihatan agak kekok oleh sesetengah pendidik dengan pengenalan penggunaan aplikasi seperti Google Meet, Zoom serta pelbagai aplikasi dan teknik pengajaran dalam talian yang harus diperaktikkan. Namun selepas beberapa fasa perubahan sehingga ke fasa endemik, kemampuan para pendidik telah dapat dilihat dalam menguasai ilmu teknologi yang diseragamkan bersama institusi pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik umpama kata pepatah alah bisa tegal biasa.

Kini, dalam fasa endemik, institusi pendidikan telah mula selesa dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran. Malah, tidak menjadi satu masalah jika warga pendidik untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara hibrid. Namun, pelaksanaan ini harus seimbang di mana pengajaran di dalam kelas diamalkan dengan diselit bersama elemen teknologi pengajaran dalam talian bagi memudahkan dan menarik minat pelajar ketika sesi pembelajaran dan pengajaran.



Warga pendidik juga memainkan peranan penting dalam fasa endemik dengan melakukan penilaian risiko terhadap situasi di dalam kelas atau kampus. Di samping senantiasa peka dengan persekitaran dan isu semasa bagi mengurangkan pendedahan risiko COVID-19. Dalam pada itu, para pendidik khususnya pensyarah harus bersiap siaga untuk bersama-sama menelusuri norma baharu dengan kedatangan pelajar ke kampus sepenuhnya dan akan melaksanakan segala aktiviti seperti sedia kala dalam norma baharu. Meskipun endemik dilihat sebagai satu tiket dalam kelonggaran untuk segala standard operating procedure (SOP) COVID-19, namun, sebagai individu yang bertanggungjawab, kita haruslah peka dan cakna terhadap amalan keselamatan dan kesihatan diri agar terhindar dari dijangkiti wabak COVID-19.



# Pemerkasaan Sistem Pendidikan Seiring Perubahan Semasa


**ZAIDATULHUSNA MOHD ISNANI, HASLINDA NORADZAN, WAN ARYATI WAN GHANI,  
JULIANA HAMKA KAMAROIDDIN**

Pandemik COVID-19 telah memberi kejutan kepada seluruh sektor pembangunan negara termasuk sektor pendidikan Malaysia. Setelah lebih dua tahun, seluruh dunia bertungku-lumus memerangi wabak COVID-19, akhirnya semua negara-negara maju telah bersedia beralih ke arah fasa endemik yang memberi peluang kepada rakyat untuk kembali kepada gaya hidup normal mereka dahulu. Pandemik telah memberi impak yang besar terhadap seluruh isi dunia. Kesannya dapat dilihat apabila aktiviti ekonomi global yang semakin perlakan, tahap pengangguran yang meningkat dengan penutupan premis-premis perniagaan, serta kejutan terhadap transformasi sistem pendidikan sama ada di sekolah-sekolah mahupun institusi pengajian tinggi.

Disebabkan perubahan norma baharu di dalam industri pendidikan yang memfokuskan pembelajaran secara dalam talian, kadar keciciran dalam kalangan pelajar turut meningkat terutamanya bagi golongan yang tidak berkemampuan serta mengakibatkan peningkatan ketidaksamaan pendidikan dalam negara. Seramai 21,316 orang murid telah dilaporkan berhenti sekolah sejak Mac 2020. Kajian oleh pasukan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia pada Ogos 2020 melaporkan, perbelanjaan yang dipotong bagi tujuan pendidikan anak-anak adalah yang paling tinggi dalam kalangan keluarga kategori B40. Ianya merupakan satu kerugian di dalam sektor pendidikan yang dipengaruhi masalah kesihatan, ekonomi dan sosial berikutan peningkatan penularan wabak tersebut.

Justeru, pembangunan strategi yang efektif untuk mendidik pelajar semasa dan selepas pandemik merangkumi persediaan tenaga pengajar sama ada guru atau pensyarah itu sendiri untuk mendalami dan memahami faktor semasa dan kesesuaian dengan kehendak pelajar pada era norma baharu ini. Inibermaksud guru atau pensyarah perlu mempunyai pemahaman khusus tentang bagaimana pandemik mempengaruhi kehidupan pelajar, keluarga, pensyarah dan staf yang berkhidmat di dalam sektor pendidikan, serta komuniti setempat. Signifikannya adalah bagi mengenal pasti kaedah pembelajaran terkini, seiring dengan kehendak pasaran sistem pendidikan semasa.

Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan penglibatan sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi telah merangka pelbagai strategi yang tertumpu kepada isu pembelajaran dan pengajaran. Strategi ini mengutamakan kurikulum yang holistik, dengan menyasarkan kepada pembentukan hasil pembelajaran dan kecekapan kognitif, termasuk interpersonal dan intrapersonal terutamanya dalam menghadapi pelajar yang tidak berpengalaman meneruskan pengajian di dalam kampus. Secara langsungnya, ia dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian di dalam kampus dan juga pelajar tahun satu di sekolah yang keciciran sepanjang musim pandemik untuk merasai suasana pembelajaran secara bersemuka.





Sejajar dengan itu, kementerian telah mengatur strategi dalam menangani isu ini dengan melihat semua institusi pengajian sama ada sekolah atau pun universiti. Di antaranya, UiTM telah merangka dan merancang persediaan pelajar-pelajar yang akan memasuki kampus setelah Malaysia melangkah ke fasa peralihan endemik dengan memperkuatkan keupayaan seluruh sistem universiti, pensyarah, pelajar dan keluarga bagi meneruskan aktiviti pembelajaran dalam era norma baharu yang lebih mencabar. Ini dapat dilakukan dan dicapai melalui pelbagai pendekatan termasuklah pembangunan profesionalisme pensyarah, penilaian kesejahteraan pelajar serta kecenderungan untuk meneruskan pengajian, serta pembangunan rantaian perhubungan universiti dengan kolaborasi bersama industri yang dapat memberi pendedahan baharu kepada pelajar.

Terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dan diberi penekanan, terutamanya beberapa perubahan dalam konteks sistem pendidikan yang berubah semasa negara berada di dalam fasa pandemik. Di antaranya adalah, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian selama hampir dua tahun telah berjaya meningkatkan penggunaan peranti dan capaian internet oleh hampir semua isi rumah. Pembudayaan norma baharu yang lebih menjurus kepada digitalisasi juga berjaya meningkatkan kemahiran penggunaan peranti dan perisian dalam kalangan tenaga pengajar serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan pengajaran bercetak. Oleh itu, penilaian terhadap kesejahteraan pelajar dan kecenderungan mereka bagi meneruskan pengajian selepas fasa endemik diumumkan perlu diambil kira kerana terdapat pelajar yang merasa selesa dengan pembelajaran secara dalam talian atau disebabkan pelajar mempunyai komitmen lain seperti membantu pengurusan dan penambahan pendapatan sosioekonomi keluarga seperti memiliki pekerjaan sendiri.

Sehubungan itu, tahap persediaan kendiri pelajar menjadi aspek penting di mana pihak sekolah dan universiti perlu mengambil kira persediaan dari segi fizikal dan mental para pelajar. Persediaan fizikal merangkumi barang-barang keperluan untuk ke sekolah atau kampus, persediaan kewangan seperti perbelanjaan harian, serta pengadaptasian kepada amalan norma baharu yang ditetapkan. Manakala, persediaan mental melibatkan aspek psikologi dan emosi seperti pembentukan sahsiah dan jati diri, peningkatan keyakinan diri serta motivasi dan komitmen yang baik. Di samping itu juga, penetapan matlamat pengajian dan pengurusan kesihatan mental perlu dititikberatkan bagi mengharungi sesi persekolahan dan pengajian secara bersemuka.

Kesimpulannya, sistem pendidikan perlu bertindak balas dengan segera dan cepat, dengan menggunakan pelbagai pendekatan dalam menghadapi era yang semakin mencabar ini. Sepanjang fasa pandemik, sistem pendidikan telah mengalami kejutan rentetan daripada pelbagai perubahan drastik yang telah dilakukan. Oleh itu, adalah wajar untuk kita meningkatkan keberkesanan pendekatan yang holistik bagi mendidik pelajar dengan mengambil pendekatan yang berbeza mengikut keperluan dan persekitaran pendidikan semasa dan terkini. Mengenal pasti strategi yang relevan akan menentukan apa, dan bagaimana sistem pengajaran itu dapat dilaksanakan di masa hadapan.

# Peranan Pensyarah Suntik Motivasi Pelajar Kembali ke Kampus

**HASLINDA NORADZAN, NURUL NISHA MOHD SHAH , ZAI DATULHUSNA MOHD ISNANI, WAN ARYATI WAN GHANI, JULIANA HAMKA KAMAROIDDIN**

Penyebaran wabak Covid-19 yang diumumkan sebagai pandemik telah mengubah cara dan gaya hidup masyarakat seluruh dunia serta mempengaruhi hampir semua industri termasuk sektor pendidikan. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) di peringkat universiti lazimnya menggunakan kaedah penyampaian secara bersemuka (face-to-face) dan pembelajaran teradun (blended learning).

Bagi meneruskan kelangsungan pembelajaran para pelajar dan turut mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan semasa fasa pandemik, buat pertama kalinya UiTM menggunakan kaedah Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh atau Open and Distance Learning (ODL) dalam hampir semua kursus yang ditawarkan bermula pada Mei 2020. Pelbagai inisiatif diperkenalkan oleh pihak universiti bagi membolehkan pengajaran secara ODL dapat dijalankan dan kesemua pelajar berjaya mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Para pensyarah turut diperkenalkan dengan pelbagai kaedah dan perisian yang boleh membantu proses PnP dijalankan secara dalam talian dengan mengambilkira kemudahan dan kebolehcapaian di kalangan pelajar.

Pada semester Oktober 2021-Februari 2022, UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mula menyediakan ruang untuk pelajar kembali ke kampus bagi menghadiri kuliah secara bersemuka, terutama bagi kursus yang memfokuskan kemahiran psikomotor. Peralihan kepada fasa endemik pada 1 April 2022 seterusnya telah memberikan peluang kepada lebih ramai pelajar untuk meneruskan pengajian mereka di dalam kampus mengikut keperluan kursus dan kemudahan fasiliti yang disediakan oleh universiti secara berperingkat. Bilangan kursus yang dibenarkan pengajaran secara bersemuka semakin bertambah pada semester Mac-Julai 2022 dan dijangka akan bertambah pada semester akan datang.

Walaupun bilangan kursus yang menggunakan kaedah bersemuka adalah sedikit, situasi ini menimbulkan pelbagai reaksi dan persepsi di kalangan pelajar setelah lebih dua tahun menggunakan kaedah ODL. Sebilangan pelajar begitu teruja untuk kembali ke kampus bersama rakan-rakan, tetapi terdapat juga pelajar yang tidak bersedia kerana masalah kewangan serta terikat dengan tanggungjawab kepada keluarga. Tidak kurang juga yang masih bergelut dengan persediaan mental untuk kembali meneruskan pengajian, disebabkan sudah terlalu selesa dengan kaedah ODL. Oleh itu, bagi meningkatkan motivasi pelajar untuk kembali ke kampus, peranan pensyarah dilihat sebagai sangat penting kerana para pelajar akan berinteraksi dengan pensyarah apabila mengikuti pembelajaran secara bersemuka.



Model ARCS yang diperkenalkan oleh Keller, 1983 menerangkan 4 komponen yang menjadi strategi bagi meningkatkan motivasi iaitu Perhatian; Attention (A), Relevan; Relevance (R), Keyakinan; Confidence (C), dan Kepuasan; Satisfactions (S). Model ini boleh dijadikan rujukan oleh para pensyarah untuk dikembangkan ke dalam kaedah penyampaian secara bersemuka seterusnya menjadikan sesi kuliah lebih menarik minat dan meningkatkan tumpuan pelajar.

Komponen pertama dan menjadi kelebihan utama bagi proses pembelajaran secara bersemuka adalah kemampuan pelajar memberikan perhatian (*Attention*) semasa di bilik kuliah atau makmal. Semasa sesi pengkuliahhan menggunakan kaedah ODL, faktor-faktor seperti kelajuan capaian Internet, jenis peranti yang digunakan, dan persekitaran pembelajaran; seringkali mempengaruhi tumpuan pelajar disebabkan ketidaksamaan akses yang dimiliki oleh mereka. Justeru, sekembalinya pelajar ke kampus, ianya dilihat sebagai peluang untuk pelajar menumpukan perhatian dan berinteraksi secara langsung dengan pensyarah. Untuk meningkatkan tumpuan dan menarik minat pelajar menghadiri kuliah secara bersemuka, pensyarah memainkan peranan menimbulkan rasa ingin tahu pelajar terhadap topik yang dibincangkan pada sesi tersebut. Ini dapat diperlakukan dengan mengambilkira latar belakang dan minat pelajar bagi memastikan perbincangan yang dijalankan dapat diikuti oleh pelajar dan mereka berpeluang untuk melibatkan diri serta menyumbang kepada sesi tersebut. Teknik pengajaran yang pelbagai seperti kajian kes (case study) dan penyelesaian masalah (problem solving) dapat diaplikasikan oleh pensyarah semasa dalam bilik kuliah untuk meningkatkan perhatian dan penglibatan pelajar.



Pembelajaran bersemuka juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi secara terus di dalam kelas melalui interaksi pelajar bersama pensyarah. Pelajar dimaklumkan tentang objektif pembelajaran dan alternatif yang diberikan bagi setiap permasalahan yang dihadapi semasa sesi kuliah. Ini menjadikan suasana pembelajaran secara bersemuka lebih relevan (*Relevance*) apabila pensyarah dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar tanpa mengambil kira faktor luaran yang dihadapi ketika ODL seperti capaian Internet dan persekitaran tidak kondusif. Pelajar turut merasai pengalaman melaksanakan perbincangan dan tugasan secara berkumpulan serta memupuk kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Kaedah pembelajaran yang lebih dekat dengan dunia pekerjaan sebenar seperti lawatan ke premis industri, tetamu jemputan bagi slot-slot tertentu, serta pengendalian sesi pembelajaran di luar bilik kuliah seperti pencarian maklumat di perpustakaan juga boleh membuka minda pelajar dan memberi nafas baru bagi sesi pembelajaran.

Tidak dinafikan pembelajaran secara dalam talian memberikan ruang kepada pelajar yang kurang yakin untuk “bersuara” kerana persekitaran sama rata, di mana semua orang boleh menjawab soalan dan memberikan pandangan semasa sesi kuliah dijalankan dengan bantuan beberapa perisian. Tetapi, pengalaman memberikan pendapat secara bersemuka menyediakan peluang untuk pelajar membina keyakinan diri (*Confidence*) dan meningkatkan kemahiran interpersonal. Oleh itu, pensyarah boleh mengambil langkah dengan memberikan ruang bagi pelajar menyuarakan pendapat, berkongsi idea, serta membenarkan pelajar menimba pengalaman sendiri menentukan hala tuju pembelajaran dengan bimbingan dari pensyarah. Pensyarah masih boleh menggunakan perisian yang sama semasa ODL dijalankan dengan menerapkan penggunaannya semasa sesi bersemuka bagi mendapatkan respon dan buah fikiran daripada pelajar. Pelajar akan rasa lebih dihargai apabila pensyarah menerima idea mereka dan memberi pandangan berdasarkan input yang diberikan oleh mereka.

Komponen terakhir iaitu kepuasan (*Satisfaction*) pelajar terhadap pembelajaran bersemuka dapat dicapai apabila mereka diletakkan di dalam persekitaran yang lebih kondusif dan bersesuaian dengan kursus yang dipelajari. Sebagai contoh, penggunaan perisian dan infrastruktur di makmal komputer adalah lebih baik serta membolehkan mereka menimba pengetahuan dan pengalaman dengan bimbingan pensyarah pada masa yang ditetapkan. Pujian secara lisan dan ganjaran dari pensyarah juga menjadi motivasi bagi mereka untuk terus datang ke kuliah dan bersaing secara sihat bersama pelajar lain. Penggunaan bahan atau material pembelajaran yang pelbagai serta pembaharuan suasana bilik kuliah juga boleh diambil kira supaya pelajar lebih bermotivasi untuk menghadiri kuliah secara bersemuka.

Motivasi pelajar untuk kembali ke kampus dan meneruskan sesi pembelajaran secara bersemuka adalah sangat penting bagi melahirkan generasi berpendidikan pada masa hadapan. Peranan pensyarah mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dapat menjadi faktor utama untuk pelajar hadir ke kuliah dan secara tidak langsung menimba pengalaman yang berbeza jika dibandingkan dengan kaedah ODL yang diguna sebelum ini.

# Kekal Pelitup Muka di Kampus

**DR.SHAWAL BIN SAHID HAMID @ HUSSAIN , MOHD HIDAYAT BIN MAHADI**

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia telah memasuki fasa ‘peralihan ke endemik’ bermula 1 April 2022. Menurutnya, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk penilaian risiko dan mendapat pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Hal ini, membolehkan rakyat Malaysia kembali ke kehidupan hampir normal selepas dua tahun berperang dengan COVID-19. Dalam fasa peralihan ke endemik, pemakaian pelitup muka di dalam bangunan tertutup masih wajib dipatuhi bagi setiap individu. Begitu juga pematuhan di dalam bangunan di kampus.

Kehadiran pelajar ke kampus secara berfasa dan berperingkat dilihat sebagai langkah yang bijak dalam menangani penularan wabak COVID-19 dan turut membantu pihak pengurusan universiti dalam membuat persiapan yang lebih rapi dalam penerimaan pelajar di dalam kampus. Oleh itu, Standard Operation Procedure (SOP) COVID -19 harus diperkasa dalam memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus berada pada tahap yang optimum. Garis panduan harus lebih jelas dan segala info berkenaan COVID-19 dan pematuhan SOP dalam era endemik juga harus diberi penekanan. Pelaksanaan SOP COVID-19 yang jelas oleh pihak pentadbir universiti ketika endemik ini pastinya dapat mengurangkan kadar jangkitan COVID-19 di dalam kampus.



**Sebagai warga  
kampus kita harus  
sama-sama  
bertanggungjawab  
alam memastikan dan  
mematuhi SOP secara  
berterusan seperti  
mana ketika  
pendemik.**



Warga kampus harus cakna dan menjalankan tanggungjawab dalam penjagaan SOP ketika era endemik. Kita harus sedar wabak COVID 19 masih lagi tular dan menjadi endemik di mana wabak ini akan kekal untuk turut hidup di samping kita malah akan senantiasa ada di sekeliling kita seperti wabak penyakit endemik dengan. Sebagai warga kampus kita harus sama-sama bertanggungjawab alam memastikan dan mematuhi SOP secara berterusan seperti mana ketika pendemik. Penggunaan pelitup muka ketika di dalam pejabat bersama rakan sekerja dan ketika di dalam kelas harus diperlakukan dan menjadikan sesuatu yang normal dalam masyarakat. Warga kampus juga harus bertanggungjawab dengan melaporkan tahap kesihatan jika mengalami simptom-simptom seperti batuk, selsema, sakit tekak dan demam. Ujian kendiri COVID-19 harus dilakukan bagi memastikan diri bebas dari wabak COVID-19. Sekiranya mengalami positif COVID tindakan kuarantin kendiri harus dilakukan. Teknik kuarantin kendiri juga harus jelas dan betul dengan mengasingkan diri dengan mengelak dari berjumpa dengan individu lain bagi mengelak sebarang jangkitan untuk terus berlaku.

Dalam mengorak langkah dalam kesiapsiagaan penerimaan semua pelajar sepenuhnya ke kampus ketika fasa endemik, penerapan nilai kesedaran dan tanggungjawab setiap individu adalah amat penting bagi memastikan wabak COVID 19 tidak terus tersebar.

# Meneruskan Legasi Perhubungan Komuniti dalam Peralihan Endemik dengan Kembara Kepenggunaan Santuni Komuniti

**RAZIF SAZALI, NUR SYAHIRA ANASUHAH**

28 Mei 2022 – Bertempat di Surau Al-Jannah, Taman Gunung Mas 1, Tampin, Negeri Sembilan, satu Program Kembara Kepenggunaan Santuni Komuniti telah dilaksanakan oleh Gerakan Pengguna Siswa dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan. Tujuan perlaksanaan program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepenggunaan dalam menjadi pengguna bijak dan dalam masa yang sama mendedahkan serta mendidik penduduk setempat tentang hak pengguna.

Program ini turut disertai oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Seremban dengan berkonsepkan ‘turun padang’ dan merupakan salah satu langkah pihak universiti bagi mendekatkan warga kampus dengan penduduk setempat. Turut dilaksanakan semasa program ini adalah penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf dan anak yatim.

## Pemilihan lokasi pengajuran dan kumpulan sasaran

Taman Gunung Mas 1 telah dipilih sebagai lokasi program kerana mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan ini menyumbang kepada pencapaian objektif pengajuran. Surau Al-Jannah pula dijadikan sebagai tempat penganjuran bagi mengumpulkan para pengunjung kerana mempunyai fasiliti yang lengkap dan selesa seperti tempat solat, pentas, tandas, dan tempat duduk.

Kumpulan sasaran yang dipilih adalah terdiri daripada para penduduk setempat, pelajar sekolah dan mahasiswa. Rata-rata pengunjung yang hadir adalah terdiri daripada penduduk Taman Gunung Mas 1 sendiri, pelajar Sekolah Kebangsaan Keru, dan mahasiswa UiTM Kampus Seremban. Kumpulan sasaran ini dipilih adalah bagi memastikan pendidikan kepenggunaan itu diterapkan ke setiap lapisan masyarakat daripada bangku sekolah sehingga ke peringkat dewasa.



## Penglibatan komuniti

Penglibatan pelajar Sekolah Kebangsaan Keru adalah seramai 35 orang dan mahasiswa UiTM Seremban adalah seramai 62 orang yang terdiri daripada 30 orang peserta dan 32 orang urusetia.



## Perincian aktiviti yang dijalankan

### Slot permainan tradisional dan kepenggunaan

Komuniti yang terlibat mengikuti permainan kepenggunaan yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur. Dalam slot ini, pelbagai pertandingan dan aktiviti yang menyeronokkan telah disertai oleh peserta dan memeriahkan lagi program kepenggunaan ini. Aktiviti ini adalah betujuan untuk menerapkan ilmu kepenggunaan kepada penduduk di kawasan tersebut. Selain itu, aktiviti ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan dalam masyarakat setempat. Dalam masa yang sama, Klinik Kesihatan Tampin Negeri Sembilan turut membantu dalam pemeriksaan kesihatan komuniti.



### Slot Penyampaian Sumbangan

Sumbangan telah disampaikan dalam satu majlis ringkas kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Keru. Sumbangan terdiri dari makanan asasi dan alatan tulis dan ia adalah tajaan Unit Komunikasi Korporat dan sumbangan orang awam.

Pada penghujung program, majlis perasmian penutupan program dan majlis penyampaian hadiah telah dilangsungkan. Keseluruhannya, program ini amatlah diterima baik oleh warga setempat dan mendapat respon positif daripada rakan pengajur bersama dan komuniti setempat.

### Slot Ceramah Kepenggunaan

Ceramah kepenggunaan telah disampaikan oleh Puan Nur Hanuna Mohamed Yunos, Pegawai KPDNHEP Negeri Sembilan. Tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk mendidik komuniti di kawasan setempat tentang ilmu kepenggunaan di samping menambah pengetahuan berkaitan hak pengguna yang semestinya dapat memberikan impak positif kepada masyarakat kita.



# Sistem Pengurusan Kualiti Menjamin peningkatan Kecemerlangan Operasi Tadbir Urus Makmal Sains

**NUR NADIA DZULKIFLI, NUR SOFIAH ABU KASSIM**

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) adalah jabatan yang bertanggungjawab atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA (UiTM). InQKA mengurus dan sebagai pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam serta cawangan. Manakala setiap kampus induk, fakulti di Shah Alam dan cawangan mempunyai seorang Ketua Unit Kualiti (KUK) yang menguruskan hal-hal dan dalam penyampaian maklumat berkaitan dengan penambahbaikan kualiti. Dr. Nur Nadia Dzulkifli merupakan pensyarah kanan daripada Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar dan dilantik sebagai Ketua Unit Kualiti, UiTM Cawangan Negeri Sembilan sejak tahun 2020. Beliau juga merupakan setiausaha bagi Sub-Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Sub-JKKP), Unit Makmal Sains yang diketuai oleh Dr. Nur Sofiah Abu Kassim. Sepanjang lantikan bagi kedua-dua jawatankuasa ini, para pensyarah secara tidak langsung terlibat dengan penambahbaikan dan peningkatan kualiti di Unit Makmal Sains.

Pertandingan Kecemerlangan Operasi yang diwujudkan oleh InQKA mempunyai objektif yang jelas bagi meningkatkan prestasi universiti dari segi operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Keberkesanan hasil dari penambahbaikan proses yang dilakukan dapat diukur berdasarkan penjimatan samada dari segi kos, masa, dan sumber manusia. Oleh itu, Ketua Unit Kualiti telah menetapkan satu sasaran iaitu ingin memastikan Unit Makmal Sains dapat menerapkan unsur-unsur kualiti di dalam jiwa dan raga warga staf di Unit Makmal Sains seterusnya meningkatkan ketampakan fungsi dan kredibiliti Unit Makmal Sains.

Selain itu, sasaran InQKA adalah ingin sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadikan UiTM sebuah universiti bertaraf dunia. Maka, bagi memastikan hasrat dan sasaran tersebut tercapai, Unit Makmal Sains UiTM Cawangan Negeri Sembilan, telah menyertai Pertandingan Kecemerlangan Operasi peringkat UiTM dan berjaya menjadi finalis pada peringkat akhir pada tahun 2021 dengan mempertandingkan Proses Penyediaan Senarai Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register). Proses kerja ini adalah satu proses kerja semakan bahan kimia berbahaya di Unit Makmal secara digital dimana semakan boleh dilakukan oleh pengguna makmal hanya dalam atas talian. Tujuan utama adalah untuk menyelesaikan masalah sedia ada yang mengganggu kecekapan proses perkhidmatan di Unit Makmal Sains dan membawa penambahbaikan proses yang telah dirancang untuk dinilai ke peringkat yang lebih tinggi.

Perubahan merupakan satu proses transformasi bermula daripada pemikiran, kaedah dan proses sedia ada kepada corak pemikiran, kaedah dan proses yang baru. Bagi sesbuah organisasi, perubahan dikaitkan dengan pelaksanaan sistem atau prosedur baru dalam kerja dengan tujuan untuk meningkatkan output hasil kerja dengan mengurangkan proses kerja daripada segi masa, kos dan tenaga kerja. Secara umum, perubahan tidak semestinya akan diterima oleh semua pihak akan tetapi secara rasional setiap perubahan adalah untuk memperbaiki kelemahan proses dan sistem yang sedia ada. Semua peringkat dalam organisasi sama ada pengurusan atasan mahupun pegawai bawahan perlu terlibat dalam proses perubahan. Pihak pengurusan tertinggi terutamanya perlu memainkan peranan yang penting; dan sokongan yang diberikan merupakan penyumbang utama dalam pencapaian dan perubahan Unit Makmal Sains. Pihak pengurusan UiTM sentiasa menyokong untuk memastikan pekerja mencetuskan idea baru dan inovasi dalam melakukan perubahan melalui pertandingan yang dijalankan oleh InQKA.

**Secara umum, perubahan tidak semestinya akan diterima oleh semua pihak akan tetapi secara rasional setiap perubahan adalah untuk memperbaiki kelemahan proses dan sistem yang sedia ada.**

Tidak dinafikan bahawa struktur organisasi juga memainkan peranan penting dalam perubahan yang dilaksanakan. Ketua Unit Makmal Sains telah berjaya melaksanakan menyesuaikan struktur organisasinya dalam mengadaptasi keperluan misi dan visi Unit Makmal Sains bagi menyokong keperluan makmal sains dari aspek khususnya pembelajaran dan pengajaran (PnP) dan makmal penyelidikan pasca-siswazah. Struktur organisasi yang jelas dan tidak ada pertindihan tugas akan memudahkan pekerja merujuk kepada ketua terdekat sekiranya mengalami sebarang masalah. Struktur organisasi yang baru ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap produktiviti pekerja malah meningkatkan indeks kegembiraan staf makmal dalam melaksanakan tugas di makmal.

Peningkatan kualiti di Unit Makmal Sains secara tidak langsung dapat meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Kajian kegembiraan telah dijalankan bagi mengukur tahap kepuasan hati pelanggan berhubung penyediaan Senarai Daftar Bahan Kimia Berbahaya (Chemical Register) dan jelas menunjukkan semakan bahan kimia yang dapat dilakukan hanya atas dalam talian sangat membantu pengguna makmal terutama dalam era endemik Covid-19 ini dengan mengurangkan pertemuan secara bersemuka.

Kesimpulannya, peningkatan kualiti dan perubahan dalam inovasi itu adalah perlu dalam arus teknologi dan mengikut masalah semasa bagi memastikan kelangsungan fungsi sesebuah organisasi berterusan. Namun, adakah **kita perlu menunggu sahaja seseorang melakukan perubahan atau kita yang ditunggu oleh mereka untuk melakukan perubahan?**

# Bekerja Dari Rumah (BDR) Bukan Tiket Untuk Tidak Produktif

SITI NASARAH ISMAIL



Pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak awal tahun 2020 yang masih berlarutan sehingga kini telah mencetuskan anjakan paradigma dalam segenap aspek kehidupan manusia. Tragedi yang belum berpenghujung dan telah meragut lebih lima juta nyawa ini sekali gus telah merubah landskap cara hidup manusia melalui pematuhan kepada norma baharu yang pada awalnya dilihat begitu janggal kepada kita.

Namun, bulan berganti bulan, tahun berganti tahun, norma baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan mula diterima dan menjadi sebahagian daripada aturan manusia dalam mengemudi kehidupan menghadapi hari-hari yang mendatang. Pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh kerajaan bermula dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) serta penguatkuasaan beberapa lagi peraturan bagi membendung wabak ini dari terus menular. Kini, negara telah memasuki fasa peralihan ke endemik di bawah Pelan Pemulihan Negara yang berkuatkuasa pada 1 April 2022 lalu.

Umum mengetahui bahawa Covid-19 mudah menjangkiti apatah lagi varian Omicron yang dikatakan lebih cepat menjangkiti mangsanya. Dalam usaha kerajaan yang giat menggerakkan pelan pemantauan, pengawalan dan pencegahan wabak ini antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah saranan bekerja dari rumah (BDR). Saranan ini diutarakan oleh Menteri Kesihatan sendiri iaitu, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin yang menggalakkan para majikan untuk meneruskan dasar BDR bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat untuk pekerja.

Walaupun kini negara dalam proses peralihan ke endemik, namun pilihan BDR masih lagi diberi dalam kes-kes tertentu. Malah ada antara syarikat atau sektor pekerjaan yang menjadikan perkara ini sebagai salah satu opsyen kepada para pekerja dan menjadikan waktu dan lokasi bekerja lebih fleksibel. Cadangan ini dilihat sebagai salah satu langkah proaktif dalam mengawal penularan wabak Covid-19 yang diyakini boleh membantu menurunkan kadar jangkitan khususnya di tempat kerja.

Inisiatif ini perlu dilihat dari sudut positif dan diperhalusi oleh pembuat dasar bagi mewujudkan situasi menang-menang dalam semua aspek termasuk ekonomi, sosial dan kesihatan pekerja. Dalam merealisasikan usaha ini, sudah semestinya bukan hanya melibatkan kebanyakan sektor pekerjaan seperti yang dilaksanakan kerajaan semasa PKP dahulu tetapi perlulah lebih selektif kepada sektor yang mampu beroperasi secara BDR dengan jadual kerja yang lebih fleksibel.

Terdapat beberapa kategori bidang pekerjaan yang sesuai untuk diberi pilihan BDR antaranya ialah sektor pekerjaan yang tidak mewajibkan para pekerja untuk berada di lapangan. contohnya golongan akademik yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara dalam talian. Dengan kecanggihan alat komunikasi serta pengalaman yang dilalui sepanjang tempoh PKP dahulu sudah pastinya proses P&P mampu dilaksanakan dengan jayanya walaupun dijalankan secara BDR.



Namun, pilihan BDR yang diberikan harus digunakan sebaiknya oleh para pekerja. Ia sebenarnya adalah peluang kepada para pekerja untuk lebih fokus kepada tugas yang diberikan dalam persekitaran yang lebih kondusif. Tambahan pula, masa berulang alik ke tempat kerja dapat dijimatkan dan yang paling penting adalah risiko kemungkinan terdedah kepada penularan wabak Covid-19 dapat dikurangkan dengan lebih efektif.

Bagaimanapun, bagi memastikan BDR tidak menjaskan produktiviti dan mampu mencapai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang disasarkan jabatan, disiplin diri pekerja adalah kunci kejayaannya. Tanpa disiplin yang tinggi dan menjunjung nilai amanah, sudah semestinya kemudahan BDR akan disalah gunakan yang sekali gus akan menjaskan prestasi dan reputasi jabatan.

Bagi melicinkan aktiviti BDR secara berkesan, pekerja perlulah mempunyai senarai tugas harian yang turut dikongsikan bersama ketua jabatan untuk tujuan pemantauan dan rekod kemajuan serta mencuba sebaik mungkin menyiapkan tugas tersebut. Selain itu, pengurusan masa juga amat penting ketika bekerja dari rumah seterusnya bagi memastikan pekerja kekal bersemangat dan bermotivasi, cipta persekitaran dan suasana bekerja di rumah yang kondusif.

Perlu diingatkan bahawa BDR bukanlah cuti rehat tetapi ia adalah satu bentuk kemudahan yang diberikan oleh pihak majikan kepada para pekerja. Hanya lokasi bekerja sahaja yang berpindah tanpa mengubah sedikit pun skop dan masa tugas. Sebagai pekerja, kita diseru untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberi dengan sebaiknya walau di mana pun kita berada.

# Light At the End of the Tunnel – The Endemic Era

**WAN ARYATI WAN GHANI, JULIANA HAMKA KAMAROIDDIN, HASLINDA NORADZAN,  
ZAI DATULHUSNA MOHD ISNANI**

Students are back to school, businesses are getting back on their feet, and people are adjusting their lives to this new norm. The pandemic era may have been the worst thing to have happened to all of us globally. The endemic era in Malaysia started on the 1st April 2022, as announced by the Prime Minister. It means a lot to some people to get started after such a long “break”, hoping everything would return to normalcy. Vaccination has helped all of us to put things back together in this endemic phase. Despite rumours that vaccines cause serious health issues circulating across social media, the government and health experts have done their best to handle the situation and convince the public about the strengths of vaccination. As reported in The Petri Dish article issued in June 2022, Associate Professor Dr. Mohd Dzulkhairi, Medical Associate Professor and Public Health Physician, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), said that the public level of knowledge about Covid-19 vaccines through the National Immunisation Programme increased from 30% to 60%.

Most students in higher education institutions in Malaysia are returning to campus although some classes are still being conducted online. Deputy Minister at the Ministry of Higher Education, Datuk Ahmad Masrizal Muhammad stated that the need for the implementation of physical classes will depend on the capacities and capabilities of each university. It is expected that full attendance of students on campus will reach 90% by the year-end. On the contrary, the full implementation of physical classes has already been resumed for both primary and secondary schools.

There have been numerous reports on economic recovery from the pandemic crisis. Embracing economic growth, overall, Malaysia shows recovery in its economic situation. In response to this issue, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz assured all that the government continues to monitor and control various economic risks regardless of many hiccups spilled over mainstream media as well as social media platforms. That being said, many initiative packages for people are introduced to help maintain people's well-being and household through time such as Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), JanaKerja, JaminKerja, and so on. Statistics from the Department of Statistics Malaysia has shown that there is a slight decline in the unemployment rate in Malaysia from 4.1% in March 2022 to 3.9% in April 2022. This positively indicates that Malaysia's economy is recovering and there has been a prosperous growth of economic activities, benefiting from the reopening of the country's border.

Working from home is no longer an option in this endemic era, hence leaving a collective trauma to some parents, sending their young children to day care centres. How can these youngsters' health and well-being be assured? In this endemic transition, it is vital for the society to be knowledgeable, honest, tenacious and responsible to minimize the risk of infecting and being infected from others; be it in the workplace, public places or even in schools. Society is anticipated to abide by preventive measures that includes physical or social distancing, wearing masks when it is necessary, hand washing, self-isolating when in doubt of sickness etc.



As Malaysia is just entering the fourth month of the endemic era, all sectors are required to work hard to ensure high productivity towards a sustainable economy. The educational sectors, especially the higher education institutions are also yet to fully run the face-to-face sessions to ensure utmost teaching and learning engagement. The percentage of employment is expected to increase soon since there are no government restrictions on economic activities with the outside world. Although 95% of Malaysian adults have been fully vaccinated, and about 70% had already received their third dose in April 2022, the society is not to overlook that Covid-19 is still out there. It is the nation's shared responsibility to keep up all preventive measures to avoid the spread of the disease.



**The percentage of employment is expected to increase soon since there are no government restrictions on economic activities with the outside world.**

Though there have been many opinions and discussions about the endemic era, it is clear that life must go on. People are working hard to improve the situation and make life more meaningful. This is demonstrated by the fact that, during the difficult two-year pandemic, people have become increasingly self-aware and alert. Furthermore, there is a growing emphasis on SOP and #kitajagakita, which means that society is aware that they have something worthwhile to contribute to their lives and to others, so that there could be safety and happiness.





جامعة  
Teknologi  
MARA  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban

